



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



BULETIN

KESUMBA

EDISI KE-X: JULAI 2022 – JUN 2023

<https://www.ums.edu.my/kesumba>



FACEBOOK

KESUMBA UMS

ISI KANDUNGAN

1

PENDAHULUAN

Sidang Editor	i
EXCO Tertinggi KESUMBA 2021/2023	ii
Bicara Sehati	iii
Secebis Bicara	iv

2

AKTIVITI-AKTIVITI KESUMBA

Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA ke 25	1
Hiking@Maragang Hills	2
Program Bersama Masyarakat di Kg Sentosa Batu 10, Sandakan	3
Gotong-royong Memasak/ Rewang Daging Korban	4
Taklimat dan Program Pemeriksaan Kesihatan Wanita	5
KESUMBA KAL Wakil Kejohanan Bola Tampar terbuka WP Labuan	6 7
Jom Sihat Bersama KESUMBA; Bola Tampar	
Perlawanan Persahabatan Bola Tampar (KESUMBA FPL VS Jabatan Kesihatan)	8
Indoor Cycling	9
Lawatan Kerja dan Sambil Belajar KESUMBA ke Perstauan Wanita Teknologi (WANGI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor	10
Lawatan Kerja dan Sambil Belajar KESUMBA ke Persatuan Wanita (PERMATA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	11

ISI KANDUNGAN

2

AKTIVITI-AKTIVITI KESUMBA

Gotong-royong sempena Perpindahan Surau Al-Hijrah ke Rumah Dekan	12
Bertani di Rumah & Potluck Merdeka	13
Sambutan Hari Kebangsaan 2022 “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”	14
Pertandingan Bola Jaring Piala Toh Puan	15
Jom Sihat Bersama KESUMBA - Badminton	16
Program Kesihatan Wanita:Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita	17
Perarakan Maulidurrasul Peringkat Sandakan	18
Majlis Penyerahan Tugas YDP KESUMBA	19
Pertandingan Permainan Tradisional	20
Tamu KESUMBA FPL	21
Program Sentuhan Kasih- KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) UMS@Kg Rampayan	22
Senam Sihat KESUMBA	23
Gerai Jualan Bunga sempena Majlis Konvokesyen UMS	24
Usahawan Digital	25
Retreat KESUMBA	26
Sesi Perkongsian Ilmu Jom Isi UPU online	27
Program Khidmat Masyarakat Bersama Anak-anak Tahfiz	28
Lawatan YDP & Exco Tertinggi KESUMBA ke FPL	29
Program Bestari Solat:Indahnya Belajar Solat	30
Seminar Online Kesihatan Wanita:Kanser Payudara dan Serviks	31

ISI KANDUNGAN

2

AKTIVITI-AKTIVITI KESUMBA

Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS	32
Special Delivery Bouquet Bunga dan Coklat	33
Booth Pameran dan Jualan serta Food Truck	34
Forum 3K (Kesihatan, Keluarga dan Kerjaya)	35
Pertandingan Mewarna dan Melukis Doodle	36
Dance Fitness sempena Hari Wanita	37
Sambutan Hari Wanita Peringkat KESUMBAKAL	38
Mari Belajar Gubahan Bakul	39
Rahsia Suara dalam Pengucapan Awam : Khusus untukmu Wanita.	40
Program Persiapan Ramadan	41
Tadarus Al Quran sempena Ramadhan FKAL	42
Sumbangan Moreh Ramadhan FPL	43
Majlis Berbuka Puasa Exco dan Ahli KESUMBA KAL	44
Majlis Penghargaan Puan Silawati Khamis	45
Program “11th Mother’s Day, Walk A Breast - Kinabalu Pink Ribbon”	46
Sambutan Hari Ibu KESUMBA KAL	47
Majlis KESUMBA FPL sempena Hari Raya Aidilfitri, Hari Ibu, Hari Guru dan Pesta Kaamatan 2023	48
Mesyuarat MEJIK KESUMBA Bil2/2023	49
Perlawanan Persahabatan Bola Tampar (KESUMBA FPL VS MRSM TMFS)	50
Program CSR KESUMBA untuk Kebajikan Pelajar (Jualan Makanan dan Minuman)	51
LAGU KESUMBA: MAJU SEHATI	52

3



SIDANG EDITOR

Ketua Editor

Puan Suzanty Muin

Editor

Puan Ernahwatikah Nasir
Puan Florina Jumil
Puan Shazwina Mohammad Yusof
Puan Nor Azahyati Drus

Grafik

Cik Nor Fazleenawana Awang Latiff

Penghargaan Kepada

Setiausaha Kehormat
Penolong Setiausaha Kehormat
Biro Pendidikan dan Latihan
Biro Sukan, Sosial dan Rekreasi
Biro Kebudayaan dan Kesenian
Biro Ekonomi dan Kepenggunaan
Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan

*di atas sumbangan artikel dan gambar dalam menghasilkan
Buletin KESUMBA Edisi X: Julai 2022 – Jun 2023*

EXCOTERTINGGI KESUMBA

PENAUNG

**Yang Amat Berbahagia Toh
Puan Datuk Seri Panglima
Hajah Norlidah Tan Sri
Datuk R.M. Jasn**

PENASIHAT

**Prof Datuk Dr Kasim Haji
Mansor**

YANG DIPERTUA

Datin Aidah Mohd Ali

TIMBALAN YANG DIPERTUA

**Prof. Madya Dr. Suraya
Sintang**

PENGERUSI KESUMBA KAL

**Puan Nur Aliyah Ku @ Ku
Chen Jung**

PENGERUSI KESUMBA KAL

**Puan Anika@ Flora
Bulangou**

SETIAUSAHA KEHORMAT

**Puan Stella @ Nurul Martini
Gontol**

TIM. SETIAUSAHA KEHORMAT

**Puan Nurul Izza Binti Md
Nordin**

BENDAHARI KEHORMAT

**Puan Siti Khadizah Binti
Yaakub**

PENOLONG BENDAHARI KEHORMAT

Puan Nazrah Binti Umdan

KETUA-KETUA BIRO

PENDIDIKAN & PELAJARAN
Cik Rina a/p Norgainathai

EKONOMI & KEPENGUNAAN
Puan Titien Irdianawaty Dabal

HAL EHWAL AGAMA & KEBAJIKAN
Puan Noorisah Binti Taljid

KESENIAN & KEBUDAYAAN
Puan Lydia Hurgerty Felix

KESENIAN & KEBUDAYAAN
Puan Lydia Hurgerty Felix


PENERANGAN & PERHUBUNGAN
Puan Suzanty Muin

SUKAN, SOSIAL & REKREASI
Puan Dk. Masniah Ag Madaud

JURUAUDIT
**Puan Saima Ismail
Puan Hannah Chan**

PEMEGANG AMANAH
**Dr. Siti Rahayu Hashim
Cik Norty Hj. Sirin**

PKETUA PUTERI KESUMBA
**Puan Nur Azella Aida Zaihide
Amir**



Bicara Sehati

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah subhanawataala kerana dengan limpah dan kurnianya sekali lagi Buletin KESUMBA ini diterbitkan.

Saya amat bersyukur kerana ini merupakan Buletin KESUMBA Edisi ke-10. Pengisian berkisarkan aktiviti tahunan KESUMBA memberi peluang kepada ahli mengimbau perjalanan KESUMBA sepanjang setahun yang lalu. Terima kasih kepada Jawatankuasa Induk yang sentiasa bertungkus lumus memastikan KESUMBA sentiasa bergiat aktif menjalankan pelbagai aktiviti, malahan setiap tahun sentiasa ada pembaharuan yang dilaksanakan.

Pihak Pengurusan Universiti pula sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada KESUMBA terutamanya Y.Berhahagia Naib Canselor merangkap Penasihat KESUMBA.

KESUMBA akan terus berpegang kepada moto Kelab ini iaitu Maju Sehati serta menjadikan kasih sayang, harmoni dan ikhlas sebagai pegangan bersama menuju kejayaan.

Sekian.

‘MAJU SEHATI’

Datin Aidah Mohd. Ali
Yang DiPertua
KESUMBA



Secebis Bicara

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi peluang dan kesempatan untuk memberi secebis bicara lagi dalam buletin KESUMBA edisi ke-11 bagi tahun 2023 ini.

Sebagai Setiausaha Kehormat kelab, saya amat berbangga dengan komitmen yang diberikan oleh Ketua-ketua Biro KESUMBA dan pasukan masing-masing kerana dalam kesibukan tugas masing-masing mereka masih sempat menyelitkan beberapa aktiviti khusus buat ahli-ahli kelab ini. Sepanjang Julai 2022 sehingga Jun 2023, terdapat 54 aktiviti berjaya dijalankan dengan beberapa aktiviti menarik yang lain masih dalam perancangan dan diharap dapat dijalankan kelak.

Di kesempatan ini juga saya ingin berterima kasih kepada ahli-ahli KESUMBA dan pada masa yang sama menyeru ahli-ahli kelab untuk terus menyokong dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan. Saya juga mengalu-alukan kakitangan dan isteri kakitangan lain untuk mendaftar sebagai ahli kelab ini untuk sama-sama manfaat daripada aktiviti. Diharap dengan penglibatan puan-puan sekalian akan mengeratkan lagi tali silatulahim dan persefahaman antara kita.

*'STELLA@NURUL MARTINI GONTOL
Setiausaha Kehormat*



MESYUARAT TAHUNAN KESUMBA KE-25

Disediakan Oleh :

Nurul Izza Binti Md Nordin

01 JULAI 2022, JUMAAT– Mesyuarat Agung KESUMBA Kali Ke-25 telah berjaya diadakan secara atas hibrid iaitu secara fizikal di Galeri Tingkat 3, Canselori dan secara atas talian. Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk ChM. Ts. Dr Taufiq Yap Yun Hin, Naib Canselor UMS merangkap penasihat KESUMBA. Yang Dipertua KESUMBA, Datin Dr. Amalina Abdullah dalam ucapannya menyatakan bahawa, sepanjang tempoh Julai 2021 sehingga Jun 2022, KESUMBA telah melaksanakan sebanyak 50 aktiviti, yang merangkumi aspek kesihatan sama ada dari segi kesihatan mental dan fizikal, kerohanian, pengurusan kewangan, hal ehwal agama dan sukan. Yang Dipertua turut menekankan tentang Sambutan Jubli Perak KESUMBA yang mana KESUMBA telah berusia 25 tahun dan dirasmikan oleh YABhg. Toh Puan Datuk Seri Panglima Dr Hajah Norlidah Tan Sri Datuk RM. Jasni, Penaung KESUMBA pada 15 Oktober 2022 yang lalu. KESUMBA juga turut melancarkan Coffee Table Book yang menceritakan segala pengalaman KESUMBA sepanjang 25 tahun. MAT KESUMBA ke-25 dihadiri oleh 220 orang ahli KESUMBA.

PROGRAM

“HIKING @ MARAGANG HILL”

Disediakan Oleh :

Dk. Masniah Ag. Madaud & Siti Asyantie Binti Yasilin

02 JULAI 2022, SABTU – Biro Sukan, Sosial & Rekreasi dengan kerjasama Biro Kesenian & Kebudayaan telah mengadakan program iaitu “Maragang Hill Day Trip 6.00 AM” pada 01-02 Julai 2022 (Jumaat – Sabtu) di mana seramai 18 kakitangan UMS yang terlibat sama serta 12 peserta dari luar UMS.

Program tersebut mendapat sambutan baik dari ahli KESUMBA dan di sokong penuh oleh Yang Dipertua KESUMBA UMS, Datin Dr. Amalina Abdullah. Tujuan utama program ini diadakan adalah dapat mengeratkan lagi silaturrahim dari kalangan ahli KESUMBA kakitangan UMS mahupun ahli dari luar UMS. Selain daripada itu, setelah dua (2) tahun dari tidak mengadakan program seperti ini disebabkan keadaan negara tidak membenarkan aktiviti luar dan SOP yang perlu dipatuhi, aktiviti seperti ini membolehkan para wanita/remaja untuk melakukan aktiviti lasak yang diminati sekaligus dapat mengekalkan kesihatan.



PROGRAM

Bersama Masyarakat di Kg Sentosa Batu 10, Sandakan

Disediakan Oleh :

Dr Siti Suliza Salamat

04 JULAI 2022, ISNIN – Program Bersama Masyarakat telah diadakan pada 04 Julai 2022, jam 9.00 pagi bertempat di Masjid Kampung Sentosa Batu 10, anjuran bersama Yayasan Buruj dan KESUMBA FPL. Rombongan KESUMBA FPL diketuai oleh Puan Anika Flora Bulangou selaku Pengerusi, bersama 6 orang Exco telah menyampaikan sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan asas kepada 13 orang penerima yang terdiri ibu tunggal dan asnaf.



Ustazah Ainon Binti Embran, salah seorang ahli kariah Masjid telah membantu dalam mengenal pasti asnaf di kawasan tersebut serta menjayakan program CSR pada kali ini. Program diakhiri dengan sesi bergambar bersama penerima sumbangan, Ustazah Ainon dan ahli KESUMBA yang hadir. Turut diagihkan adalah makanan dan minuman untuk sarapan pagi, hasil sumbangan ahli KESUMBA yang prihatin.

GOTONG-ROYONG

Memasak/ Rewang Daging Korban,
Fakulti Pertanian Lestari



Disediakan Oleh :

Siti Aisyah Sidik

10 JULAI 2022, AHAD – Program gotong-royong memasak daging korban ataupun rewang telah diadakan di perkarangan Surau Al-Hijrah, Fakulti Pertanian Lestari (FPL) sempena Hari Raya Aidiladha yang lepas. Program ini adalah anjuran surau AL-Hijrah, FPL dengan kerjasama AJK Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA yang telah menyumbangkan tenaga dalam penyediaan masakan. Perlaksanaan sembelihan korban telah diadakan oleh pihak fakulti sebelum daging korban tersebut diserahkan kepada pihak surau dan KESUMBA untuk dimasak.

Acara memasak yang diketuai oleh AJK Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA dan En. Hanafiah telah dimulakan seawal 9.30 pagi. Suri rumah, kakitangan perumahan, jemaah surau dan ahli KESUMBA yang lain juga turut sama-sama menyumbangkan tenaga dalam menyiapkan masakan daging korban tersebut. Aktiviti dimulakan dengan memotong daging mengikut saiz yang dikehendaki berdasarkan juadah yang hendak dimasak. Antara juadah yang disediakan ialah nasi putih bersama sup daging, kari daging, tembakai dan sayur kobis goreng. Juadah dibungkus dan diagih-agihkan kepada para pelajar dan penduduk perumahan FPL.

Pihak AJK Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan, mewakili KESUMBA FPL ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang berkorban lembu yang mendermakan daging untuk dijadikan juadah, semua ahli KESUMBA yang terlibat serta penduduk kuarters FPL yang menyumbang makanan, bahan mentah, wang serta tenaga dalam menjayakan program ini. Semoga niat baik serta pengorbanan yang disumbangkan diterima sebagai ibadah.

PROGRAM KESIHATAN WANITA



Disediakan Oleh :
Roslianah Opao

28 JULAI 2022, KHAMIS - Program Kesihatan Wanita 2022 telah diadakan dengan jayanya melalui kolaborasi diantara Biro Pendidikan Dan Pelajaran KESUMBA FPL dan Klinik Nur Sejahtera Cawangan Sandakan (LPPKN). Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberikan informasi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia khususnya untuk golongan wanita. Kerajaan Malaysia melalui LPPKN telah menyediakan sebanyak tiga (3) program saringan kesihatan yang mendapat subsidi iaitu Program Subsidi Ujian Mamogram, Program Vaksinasi Human Papiloma Virus percuma dan Program Rintis Saringan Kanser Serviks.

Pelaksanaan program ini memberi peluang kepada ahli Kesumba untuk membuat pemeriksaan kesihatan tanpa perlu ke premis kesihatan Klinik Nur Sejahtera. Peserta juga diberikan penerangan dan demonstrasi cara pemeriksaan kesihatan wanita dengan lebih jelas dan mudah difahami yang disampaikan oleh Pn. Juri Hj. Trip, Jururawat (U29) bertaualiah.

KESUMBA KAL WAKIL KEJOHANAN BOLA TAMPAR PANTAI TERBUKA WP LABUAN

Disediakan Oleh :

Aishah Adam

29 – 31 JULAI 2022 – Kejohanan Bola Tampar Terbuka WP Labuan Kategori Wanita telah berlangsung selama 3 hari bertempat di Gelanggang Bola Tampar Pantai, UMSKAL. Penganjur iaitu Multi Unlimited W.P.Labuan dengan kerjasama Sektor Sukan & Rekreasi UMSKAL telah menawarkan hadiah lumayan kepada para pemenang iaitu Johan mendapat hadiah sebanyak RM500.00, naib johan RM300.00 dan tempat ketiga sebanyak RM100.00.

KESUMBA KAL turut menghantar pasukan untuk bertanding yang diwakili oleh Pn. Norhanizah Adnan dan Pn.Tinyhanizam Kula serta pengurus Pn. Aishah Adam. Walaubagaimanapun pasukan yang dinamakan Kesumba Ladies hanya dapat bersaing di peringkat awal sahaja. Sebanyak 10 pasukan wanita dan 24 pasukan lelaki telah menyertai kejohanan tersebut daripada WP Labuan, Sabah, Johor dan Perak.



JOM SIHAT

BERSAMA KESUMBA FPL – BOLA TAMPAR



Disediakan Oleh :

Dr. Nurul Aini Fitria Kaliwon

17 OGOS 2022, RABU – UMS telah melancarkan kempen JOM SIHAT untuk warganya pada setiap hari Rabu, jam 4.00 petang. KESUMBA FPL telah mengambil peluang ini untuk menggalakkan ahli bersukan serta menyokong usaha baik yang dianjurkan oleh UMS. Aktiviti bola tampar merupakan aktiviti sukan yang digemari oleh warga FPL termasuk ahli KESUMBA FPL.

Pada 17 Ogos 2022, Biro Sukan, Sosial & Rekreasi telah mengadakan aktiviti Jom Sihat Bersama KESUMBA (Aktiviti Bola Tampar), bertempat di gelanggang bola tampar, FPL. Seramai 12 orang ahli KESUMBA FPL telah hadir dan menyertai aktiviti ini. Selain untuk menggalakkan budaya bersukan, aktiviti ini juga diadakan sebagai persediaan untuk perlawanan persahabatan bersama Jabatan Kesihatan yang akan berlangsung pada 19 Ogos 2022.

Ahli KESUMBA FPL telah memberikan sokongan yang baik dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Biro Sukan, Sosial dan Rekreasi. Terima kasih diucapkan kepada semua ahli yang terlibat dalam menjayakan aktiviti ini.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR (KESUMBA FPL VS JABATAN KESIHATAN)

Disediakan Oleh :
Dr. Nurul Aini Fitria Kaliwon


19 OGOS 2022, JUMAAT- KESUMBA FPL telah menerima pelawaan untuk mengadakan perlawanan persahabatan bola tampar bersama Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan, bertempat di Dewan Yu Yuan, Bandar Kim Fung, Sandakan. Perlawanan ini adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik dengan wakil wanita persatuan atau agensi.

Seramai lapan orang ahli KESUMBA FPL telah menjadi wakil dalam perlawanan ini. Perlawanan tersebut telah dimenangi oleh Jabatan Kesihatan dengan kiraan mata 2-0. Walaupun KESUMBA FPL tidak memenangi perlawanan pada kali ini, namun jalinan ukhuwah bersama peserta dari Jabatan Kesihatan berjaya diwujudkan.



JOM SIHAT KESUMBA

Indoor Cycling



Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan

Sepanjang tahun 2022 sehingga 2023, KESUMBA telah menjalankan aktiviti Jom Sihat : Indoor Cycling yang dikhususkan kepada ahli KESUMBA. Aktiviti ini merupakan aktiviti tertutup yang hanya disertai oleh ahli KESUMBA bertempat di Infinity Sport Arena (Ararat Sport), Kota Kinabalu.

Objektif utama program adalah untuk memberi sokongan dan ruang kepada ahli KESUMBA untuk kekal sihat dan aktif dalam menjalankan aktiviti seharian selain dapat mengukuhkan ukhuwah sesama ahli.

Syabas kepada ahli KESUMBA yang telah menyertai aktiviti ini.



LAWATAN KERJA DAN SAMBIL BELAJAR

KESUMBA ke Persatuan Wanita Teknologi (WANGI),
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor



Disediakan Oleh :
Suzanty Muin

14 OGOS 2022, AHAD – Rombongan EXCO Tertinggi KESUMBA yang diketuai oleh Yang DiPertua KESUMBA, Datin Dr. Amalina Abdullah telah mengadakan program Lawatan Sambil Belajar kepada Persatuan Wanita Teknologi (WANGI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.

Dalam sesi lawatan ini, KESUMBA dan WANGI telah berkongsi aktiviti yang telah dilaksanakan oleh persatuan serta bertukar-tukar idea berkenaan program-program yang boleh dijalankan untuk kakitangan wanita khususnya dan kakitangan universiti amnya.

KESUMBA mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak WANGI kerana telah menerima rombongan KESUMBA dengan pengisian yang bermanfaat untuk kedua-dua persatuan.

LAWATAN KERJA DAN SAMBIL BELAJAR

KESUMBA ke Persatuan Wanita (PERMATA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disediakan Oleh :

Suzanty Muin

15 OGOS 2022, ISNIN – Rombongan EXCO Tertinggi KESUMBA yang diketuai oleh Yang DiPertua KESUMBA, Datin Dr. Amalina Abdullah telah mengadakan program Lawatan Sambil Belajar kepada Persatuan Wanita (PERMATA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dalam sesi lawatan ini, KESUMBA dan PERMATA telah berkongsi maklumat program-program yang telah dan akan dilaksanakan oleh kedua-dua persatuan. Selain itu, KESUMBA juga mengadakan sesi demo pakaian traditional suku kaum Kadazan Dusun kepada ahli PERMATA yang hadir.

Seusai taklimat bersama PERMATA, KESUMBA mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Naib Canselor USIM. Rombongan disambut mesra oleh Naib Canselor dan juga kakitangan pejabat Naib Canselor.



GOTONG-ROYONG

Sempena Perpindahan Surau Al-Hijrah ke Rumah Dekan



Disediakan Oleh :

Santy Karim

20 OGOS 2022, SABTU – Unit Hal Ehwal Islam, AJK Surau Al-Hijrah dan KESUMBA FPL telah mengadakan program gotong-royong pembersihan surau sempena perpindahan Surau Al-Hijrah dari Rumah Blok F ke Rumah Dekan.

Perpindahan ini dilakukan bagi membolehkan ahli jemaah beribadah dan melaksanakan aktiviti lain dengan lebih selesa, berikutan kawasan Rumah Dekan yang lebih besar dan luas serta kariah surau yang semakin bertambah.

Aktiviti dimulai dengan sarapan pagi, ucapan ringkas oleh Pengerusi Surau, Prof. Madya Dr. Nur Hardy Abu Daud dan seterusnya taklimat mengenai perjalanan aktiviti serta agihan tugas oleh Ustaz Md Nazrie Bin Petir, Unit Hal Ehwal Islam dan merangkap urusetia program. Seramai 10 orang ahli KESUMBA telah hadir bagi menyumbangkan tenaga, makanan dan peralatan untuk menjayakan program tersebut.

Program gotong-royong pembersihan dan perpindahan peralatan berakhir pada kira-kira pada jam 2.00 petang. Turut sama-sama membantu semasa program tersebut adalah kontraktor pembersihan dan kontraktor penyelenggaraan (Teamcons). Penganjuran program tersebut juga dilihat dapat memupuk dan mengeratkan kerjasama serta semangat tolong menolong sesama warga UMS Sandakan.



BERTANI DI RUMAH & POTLUCK MERDEKA



Disediakan Oleh :

Dr Siti Suliza Salamati

27 OGOS 2022, SABTU – Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA FPL telah mengadakan satu program penanaman sayur bersama-sama ahli KESUMBA & masyarakat dalam mengurangkan kos hidup yang semakin tinggi. Penanaman sayuran berdaun selama 30 hari menggunakan kompos daripada sisa makanan akan digunakan dalam program “Bertani Di Tepi Rumah”.

Objektif utama adalah untuk mengurangkan kos sara hidup suri rumah dengan penanaman sayuran di sekeliling rumah dan penghasilan tanaman sayuran yang mudah dijaga dan tuaian dalam 30 hari menggunakan kompos daripada sisa makanan di rumah.

Program ini telah dilaksanakan di rumah salah seorang ahli KESUMBA iaitu rumah Puan Jibbyati Binti Ladat, di Perumahan staff FPL, UMS. Program tersebut telah dijalankan bermula pada 7.00 pagi hingga 10.00 pagi dan telah dihadiri oleh seramai 30 orang. Pada 29 September 2022, jualan sawi dan kangkung hasil daripada projek Bertani di tepi rumah, telah dijual kepada komuniti FPL.

Dalam masa yang sama, ahli KESUMBA FPL turut mengadakan jamuan Potluck Merdeka selepas selesai bertani, bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama ahli.





SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022

'KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA'

31 OGOS 2022 (RABU) / 8.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, FPL

AKTIVITI MENARIK :

MEWARNA

KATEGORI 1 (KANAK-KANAK)

KATEGORI 2 (TERBUKA)

MELUKIS CORAK BATIK

PERTANDINGAN BERCERITA

KATEGORI 1 (SEKOLAH RENDAH)

KATEGORI 2 (SEKOLAH MENENGAH)

5 CABUTAN BERTUAH

Anjuran
Biro Pendidikan Dan Pelajaran, Kesumba FPL

YURAN PENYERTAAN SETIAP AKTIVITI

RM3.00 (AHLI KESUMBA)

RM5.00 (BUKAN AHLI KESUMBA)

TARIKH AKHIR PENDAFTARAN
SEHINGGA 29 OGOS 2022

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN,
SILA HUBUNGI
PUAN JERADA LEHANDO : 0192839

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022

“KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA”

Disediakan Oleh :
Roslianah Binti Opao

31 OGOS 2022, RABU – Biro Pendidikan dan Pelajaran telah mengadakan Sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” bersempena dengan tema kemerdekaan Malaysia pada tahun ini. Antara program yang diadakan adalah pertandingan melukis corak batik dan pertandingan mewarna bagi kategori kanak-kanak dan terbuka. Kedua-dua kategori ini haruslah mengetengahkan elemen kemerdekaan dalam karya masing-masing. Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk menerapkan semangat kecintaan kepada Negara Malaysia serta mengeratkan perpaduan diantara keluarga KESUMBA.

Para hadirin juga turut disajikan dengan persembahan kebudayaan yang telah dipersembahkan oleh anak-anak ahli KESUMBA seperti tarian igal-igal dan seni silat mempertahankan diri. Laungan perkataan ‘MERDEKA’ sebanyak 7 kali yang diketuai oleh pengerusi KESUMBA, sebagai simbolik pemasyhuran tarikh keramat Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan menjadi negara berdaulat mengembalikan nostalgia Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 menjadi penutup program pada hari tersebut.

Pelaksanaan aktiviti yang bersifat kenegaraan seperti ini diharap dapat dihayati oleh segenap warga UMS Sandakan dalam menikmati hidup aman damai serta bersatu padu selari dengan tema sambutan kemerdekaan tahun 2022 ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’.

KESUMBA SERTAI KEJOHANAN BOLA JARING PIALA TOH PUAN KE-9

20 pasukan sertai kejohanan bola jaring Piala Toh Puan

KINABALU: Sebanyak 20 pasukan ambil bahagian dalam kejohanan bola jaring Piala Toh Puan ke-9 yang diadakan di Kompleks Sukan Tun Adnan, Yayasan Sabah pada Sabtu lalu.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Jaring (Sabana) itu menawarkan hadiah RM1,000 untuk juara. Naib juara akan menerima RM700 dengan RM350 untuk tempat ketiga dan pemenang keempat akan menerima RM350.

Pasukan yang dapat juga hadiah tambahan untuk kategori terbaik, pertahanan terbaik, servis terbaik, penjaring terbanyak, pemain terbaik dan pasukan fairplay.

Sementara itu, majlis pembukaan dianjurkan oleh isteri Yang Dipertua Negeri Sabah, Datin Seri Norlidah Tan Sri R.M.



TOH puan (berbaju putih) diiringi oleh Presiden Sabana Chenderema Sinte (kiri) diperkenalkan kepada pasukan UMS selepas majlis pembukaan.

Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan

2 SEPTEMBER 2022, JUMAAT – Buat julung kalinya KESUMBA menghantar pasukan Bola Jaring di dalam pertandingan Kejohanan Bola Jaring Toh Puan Ke-9 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tun Adnan Yayasan Sabah, Kota Kinabalu.

Penyertaan yang diselaraskan oleh Biro Sukan, Sosial & Rekreasi dengan Kerjasama Biro Kesenian & Kebudayaan telah menghantar seramai 13 ahli KESUMBA bagi mewakili pasukan Bola Jaring KESUMBA sekaligus mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kejohanan yang menyediakan hadiah menarik ini telah mendapat penyertaan sebanyak 20 pasukan daripada sekitar Kota Kinabalu.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pasukan Bola Jaring KESUMBA di atas penyertaan kejohanan tersebut. Semoga kejohanan yang disertai telah memberi pengalaman kepada para pemain sebagai persediaan untuk menyertai kejohanan-kejohanan lain pada masa akan datang.



JOM SIHAT

BERSAMA KESUMBA FPL – BADMINTON

Disediakan Oleh :

Dr. Nurul Aini Fitria Kaliwon

07 SEPTEMBER 2022, RABU – Satu pertandingan badminton telah diadakan bertujuan untuk menggalakkan amalan cara hidup sihat, semangat berpasukan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan ahli KESUMBA FPL.

Acara tersebut telah diadakan secara tertutup di Dewan Serbaguna FPL, UMS Sandakan. Syarat pertandingan adalah terbuka hanya untuk ahli KESUMBA sahaja; pasangan bergu dipilih secara cabutan undi; tiada kategori umur dan tiada yuran pendaftaran. Sebanyak 6 kumpulan bergu telah bertanding dalam perlawanan ini. Tempat yang dipertandingkan adalah tempat pertama, kedua dan ketiga. Hadiah pertandingan berupa hamper telah ditaja oleh ahli-ahli KESUMBA FPL yang dermawan.

Walaupun pertandingan diadakan secara sederhana, namun setiap ahli telah mempamerkan mutu perlawanan yang terbaik. Perlawanan akhir berlangsung dengan sengit sebelum kejuaraan berpihak kepada Cik Santy dan Pn. Rosnie.





PERARAKAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT SANDAKAN

Disediakan Oleh :

Dg. Zuraidyah Haji Mohd. Yunus

09 OKTOBER 2022, AHAD – Daerah Sandakan telah menjadi tuan rumah Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sabah bagi tahun 1444H/2022. Sambutan kali ini menyaksikan perarakan daripada pelbagai agensi dan persatuan dengan penyertaan sebanyak 122 kontinjen yang turut mengambil bahagian dalam pertandingan sepanduk bertemakan “Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran”. Seramai 38 orang mewakili Fakulti Pertanian Lestari termasuk 7 orang ahli KESUMBA FPL. Perarakan tersebut berlangsung seawal jam 7.00 pagi, bermula dari Padang Bandaran dan berakhir di Dewan Masyarakat.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor serta isteri, Datin Seri Julia Salag dan Speaker Dun Sabah, Datuk Seri Kadzim M Yahya telah memulakan perarakan dari Padang Bandaran pada Jam 7.30 pagi.

Perarakan diiringi dengan laungan selawat ke atas Nabi junjungan SAW yang dipimpin para pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) menerusi enam buah unit bergerak Jabatan Penerangan Negeri Sabah di kedua-dua laluan.

Pertandingan sepanduk pada kali ini menyaksikan pasukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sabah muncul sebagai johan kategori kementerian/ jabatan/ swasta. Naib johan pula diraih Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar; manakala Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah di tempat ketiga.

MAJLIS PENYERAHAN TUGAS YANG DIPERTUA KESUMBA



Disediakan Oleh :

Suzanty Muin

12 OKTOBER 2022, RABU – Majlis Penyerahan tugas daripada mantan Yang Dipertua KESUMBA, Y.Bhg. Datin Dr. Amalina Abdullah kepada Yang Dipertua KESUMBA Y. Bhg. Datin Aidah Mohd. Ali telah berlangsung secara sederhana bertempat di Restoran Masakan Sedap, Luyang.

Y.Bhg. Datin Dr. Amalina Abdullah mengucapkan rasa syukur atas peluang yang telah diberikan kepada beliau untuk meneraju KESUMBA selama 3 tahun. Beliau menyatakan bahawa ia merupakan satu kenangan manis bagi beliau sepanjang bersama KESUMBA.



Beliau menghargai semua usaha dan kerjasama daripada semua EXCO khususnya dan ahli-ahli KESUMBA umumnya dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Harapan beliau, agar KESUMBA akan mengekalkan momentum dan terus maju sehati bersama dalam melaksanakan program-program yang memberi manfaat kepada para wanita.

Dalam pada itu, Y.Bhg.Datin Aidah Mohd Ali mengucapkan ribuan terima kasih di atas pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua KESUMBA yang ke-7 dan berharap akan mendapat sokongan serta kerjasama daripada semua EXCO dan ahli KESUMBA di masa akan datang.



PERTANDINGAN ERMAINAN TRADISIONAL

Disediakan Oleh :

Dr. Lakshmipriya A/P Thaigarajan

15 OKTOBER 2022, SABTU – Biro Kesenian dan Kebudayaan, KESUMBA FPL telah mengadakan satu pertandingan permainan tradisional, bertempat di Galeri Pengembangan, FPL. Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warga UMS Sandakan samada ahli KESUMBA atau bukan ahli.

Dua jenis kategori telah dipertandingkan pada hari tersebut iaitu Congkak dan Batu Seremban. Sebanyak 35 penyertaan telah diterima untuk kedua-dua kategori tersebut. Aktiviti ini dijalankan bertujuan untuk mengekalkan aset budaya bangsa untuk tatapan generasi yang akan datang serta mengukuhkan perpaduan kaum yang berbilang bangsa di dalam FPL.

Teknik permainan tradisional yang dimainkan secara berpasangan atau berkumpulan, dilihat dapat mencetuskan semangat muhibah dan harmoni dalam masyarakat FPL serta mengeratkan hubungan silaturahim antara staf, suri rumah, suami/isteri dan anak-anak serta warga FPL.



Tamu KESUMBA *FPL*



Disediakan Oleh :

Dr Siti Suliza Salammat

TAMU KESUMBA FPL adalah inisiatif daripada Ketua Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA FPL. Tamu ini telah dilaksanakan pada bulan **Oktober hingga Disember tahun 2022, bulan Januari 2023 dan bulan Jun tahun 2023.**

Objektif penganjuran tamu ini adalah untuk menjadikan Tamu KESUMBA sebagai penghubung diantara warga UMS Sandakan dan masyarakat Sandakan di sekitar Batu 10; menjana pendapatan pelajar, masyarakat dan ahli KESUMBA serta memberi pendedahan kepada pelajar FPL berkaitan perniagaan dalam bidang pertanian.

Lebih 500 pengunjung telah mengunjungi ke Tamu Kesumba FPL selama lima kali Tamu Kesumba dijalankan. Kawasan yang strategik di hadapan pintu keluar Fakulti Pertanian Lestari menjadi salah satu faktor daya tarikan kepada pengunjung. Pendapatan kasar mencecah RM6,000 sepanjang Tamu Kesumba di jalankan menjadi satu faktor pemacu yang penting bagi Tamu Kesumba FPL terus dijalankan. Selain itu dorongan daripada Dekan FPL, Prof Dr Azwan Awang serta para pensyarah ke Tamu Kesumba FPL membangkitkan semangat & keceriaan Tamu Kesumba FPL.

PROGRAM SENTUHAN KASIH

KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) UMS di Kg. Rampayan



Disediakan Oleh :

Nurul Izza Binti Md Nordin

11 NOVEMBER 2022, JUMAAT – Program Sentuhan Kasih-KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) di Kg. Rampayan Menggatal telah berjaya diadakan pada 11 November 2022 (Jumaat) di SK Rampayan. Program ini julung-julung kalinya dianjurkan oleh Kelab Surirumah dan Staf Wanita UMS (KESUMBA) bersama dengan Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS).

Program dimulakan dengan sesi taklimat Gotong-royong Perdana oleh Encik Jeffry Matusin, Yang Dipertua PIBG SK Rampayan. Pegawai tertinggi UMS, Exco tertinggi KESUMBA, Kelab Sukarelawan Pelajar UMS, penduduk kampung, guru-guru dan para pelajar SK Rampayan turut bersama-sama bergotong-royong membersihkan sekitar kawasan sekolah akibat banjir.

Majlis Perasmian program ini dilaksanakan oleh YB Datuk Haji Yakub Khan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Selain gotong-royong, pelbagai aktiviti lain turut berlangsung iaitu program saringan kesihatan dan Program Pembudayaan Sains Teknologi.

SENAM SIHAT KESUMBA



Disediakan Oleh :

Biro Sukan dan Kebudayaan

30 NOVEMBER 2022, RABU – Senaman ialah aktiviti fizikal yang lebih tinggi intensitinya daripada aktiviti harian. Tujuannya adalah untuk mendapatkan manfaat kesihatan baik dari segi fizikal dan juga mental.

Oleh yang demikian, satu program Senam Sihat telah dijayakan dan mendapat sambutan daripada ahli KESUMBA, kakitangan wanita serta pelajar wanita seramai 30 lebih penyertaan. Senam Sihat yang dikendalikan oleh Dr. Nurshila Ahmad iaitu salah seorang pensyarah FKAL dan Ketua Biro Sukan dan Kebudayaan KESUMBA KAL mempunyai pengalaman luas dan kelayakan dalam bidang senamrobik.

Senam Sihat KESUMBA yang telah dijalankan di Studio Tari, UMSKAL adalah tanda sebagai menyokong Hari Sukan Negara serta galakkan kepada orang ramai agar mengamalkan kehidupan yang sihat. Semoga aktiviti sihat dan berfaedah seperti Senam Sihat ini tetap mendapat sambutan daripada semua pihak.



GERAI JUALAN BUNGA SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UMS



Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan

10-12 Disember 2022 - KESUMBA telah diberi kepercayaan oleh pihak Pengurusan Universiti untuk menyelaras jualan Gerai Bunga Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah.

Sebanyak 10 gerai jualan Bunga Konvokesyen telah dibuka kepada ahli KESUMBA dan kakitangan UMS sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke-24 yang berlangsung selama tiga (3) hari pada 10-12 Disember 2022.

Tawaran gerai jualan Bunga Konvokesyen ini secara tidak langsung menggalakkan ahli KESUMBA khususnya dan kakitangan UMS umumnya untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan jualan Bunga Konvokesyen.

Seramai 4,732 orang graduan telah diraikan dalam majlis konvokesyen kali ke-24.



USAHAWAN DIGITAL

Disediakan Oleh :
Rina Norgainathai

29 JANUARI 2023, SABTU –



Biro Pendidikan dan Pelajaran Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) telah berkolaborasi bersama MSGA Sdn. Bhd. Serta Kelab Penulis Muda Malaysia menganjurkan Seminar bertajuk Usahawan Digital pada 29 Januari 2023 yang lalu.

Mejar Hasrul Taufek bin Roslan yang dikenali sebagai MASTER SHIRO oleh rakyat Malaysia yang merupakan Mentor Usahawan Digital Malaysia telah dijemput selaku penceramah bagi seminar berkenaan. Seminar berkenaan telah berlangsung secara bersemuka di Bilik Seminar Pusat Islam UMS dan dihadiri oleh lebih 20 orang peserta.

Objektif utama seminar ini diadakan adalah bagi mendedahkan para peserta kepada peluang untuk belajar perniagaan digital. Ia bertujuan untuk menerapkan nilai keusahawanan digital dan pengetahuan kepada peserta untuk pemasaran produk dan penajaan pendapatan.

RETREAT KESUMBA

Disediakan Oleh :

Nurul Izza Binti Md Nordin

4 FEBRUARI 2023, SABTU - KESUMBA telah mengadakan Retreat KESUMBA bagi tahun 2023 di Bilik Aspina, Hotel Grandis Kota Kinabalu. Objektif retreat ini adalah untuk membuat perancangan aktiviti dan mengetahui anggaran pembelanjaan bagi aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Retreat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua KESUMBA, Datin Aidah Mohd Alu. Setiap ketua-Ketua Biro telah membuat perbentangan berkenaan pencapaian 2022 dan perancangan aktiviti bagi tahun 2023 semasa retreat tersebut.

Sebanyak 132 aktiviti bakal dijalankan sepanjang tahun 2023 telah dibentangkan hasil dari resolusi bagi retreat tersebut.





SESI PERKONGSIAN ILMU JOM ISI UPU ONLINE

Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA
KAL

23 FEBRUARI 2023, KHAMIS– Program JOM ISI UPU ONLINE ini merupakan salah satu inisiatif KESUMBA KAL dalam membantu para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pengajian Malaysia (STPM) 2023 di Labuan tentang bagaimana untuk mengisi borang UPU bagi tujuan untuk mendapatkan tempat di IPTA Malaysia. Program telah di sampaikan oleh Ybrs. Prof.Madya Dr. Syed Nasirin bin Syed Zainol Abidin.

Penerangan yang disampaikan melibatkan Halatuju akademik untuk lepasan SPM & STPM 2023 Dengan Memberi pendedahan awal kefahaman kepada ibu, bapa dan pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM 2023 tentang pengisian borang UPU. Penceramah juga telah Memberi garis panduan bagaimana untuk membuat pilihan kursus dan tempat pengajian yang bersesuaian dengan calon-calon yang terlibat serta Memberi pendedahan tentang bagaimana pemilihan pelajar ke IPTA.

Program Jom isi UPU Online ini telah di hadiri oleh pelajar yang bakal mengambil SPM serta Lulusan SPM. Pengerusi Kesumba KAL Pn. Nur Alliyah Ku Chen Jung juga telah menyampaikan cenderahati kepada penceramah sebagai penghargaan daripada Kesumba KAL.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA ANAK-ANAK TAHFIZ



Disediakan Oleh :

Dr Siti Suliza Salamet & Siti Aisyah Sidik

24 FEBRUARI 2023, JUMAAT- Sempena lawatan rasmi EXCO Tertinggi KESUMBA ke Fakulti Pertanian Lestari (FPL), ahli rombongan berkesempatan untuk memberikan sumbangan berupa keperluan makanan kepada Madrasah Radiatul Solihin yang terletak di batu 12, Sandakan.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua KESUMBA, Datin Aidah Mohd Ali, diiringi Exco KESUMBA induk dan KESUMBA FPL. Pengetua madrasah menyambut baik Program CSR ini kerana sedikit sebanyak dapat membantu dalam penyediaan makanan kepada pelajar.

Beliau memaklumkan Madrasah Radiatul Solihin ini telah mengumpulkan seramai 30 pelajar untuk mendalami ilmu Akidah.

LAWATAN YDP & EXCO TERTINGGI KESUMBA KE FPL



Disediakan Oleh :

Dg. Zuraidyah haji Mohd. Yunus

24 FEBRUARI 2023, JUMAAT – Lawatan YDP , YBhg. Datin Aidah Mohd. Ali dan barisan Exco Tertinggi KESUMBA ke FPL disambut oleh Setiausaha KESUMBA FPL, Dg. Zuraidyah Haji Mohd. Yunus bersama Ketua-ketua Biro KESUMBA FPL.

Lawatan ini bermula jam 11.00 pagi sehingga jam 1.00 petang dengan mengadakan Mesyuarat YDP KESUMBA Bersama Exco KESUMBA FPL, lawatan sekitar ladang dan sesi bergambar kenangan di tasik FPL.

Objektif majlis ini adalah bertujuan bagi mengeratkan hubungan ukhuwah dan silaturahim antara ahli KESUMBA FPL bersama pengurusan tertinggi KESUMBA. Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan makan tengahari yang disediakan.

Indahnya Belajar Solat



Disediakan Oleh :

Biro Pendidikan dan Latihan

06 MAC 2023, ISNIN – Bersempena cuti sekolah yang lalu, satu program Bestari Solat: Indahnya Belajar Solat anjuran KESUMBA KAL bersama Sektor Hal Ehwal Islam dan Masjid UMSKAL telah diadakan bertempat Masjid Al-Hikmah, UMSKAL. Seramai 30 pelajar terdiri daripada anak-anak kakitangan UMSKAL yang berumur antara 5 hingga 12 tahun telah berjaya menghadiri program yang bermanfaat ini.

Program ini mendapat lawatan daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Haji Majin Haji Ajing telah mengadakan lawatan kerja ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL). Turut bersama beliau ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin. Ketibaan kedua-dua tetamu itu disambut Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid.

Antara modul yang diajar iaitu cara mengambil wudhu, niat solat, tertib ketika menunaikan solat, bacaan solat dan lain-lain lagi telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Khairul Isham Abd. Latiff yang merupakan penolong pegawai Hal Ehwal Islam dan selaku Ketua Sektor SHEIM UMSKAL serta dibantu oleh jawatankuasa KESUMBA dan kakitangan SHEIM UMSKAL.



SEMINAR ONLINE KESIHATAN WANITA

“SARINGAN KANSER PAYUDARA DAN SERVIKS”

Disediakan Oleh :

Dr. Khairul Hanim Pazim

06 MAC 2023, ISNIN – Biro Pendidikan dan Pelajaran Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) telah menganjurkan Seminar Online Kesihatan Wanita bertajuk Saringan Kanser Payudara dan Serviks pada 6 Mac 2023.

Seminar tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Hospital Universiti Malaysia Sabah, Dr Bessima binti Jamal. Seminar ini telah menarik seramai lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada warga UMS dan orang ramai.

Perkongsian Dr Bessima berkaitan topik yang disampaikan telah membuka mata ramai peserta mengenai apakah kanser payudara dan serviks, faktor penyebab serta kepentingan saringan dalam pengesanan awal kanser payudara dan serviks. Ujarnya, kesedaran ini perlu lebih-lebih lagi kanser payudara dan serviks merupakan kanser yang paling kerap berlaku di kalangan wanita di Malaysia. Menurut statistik, 1 dalam 19 orang wanita di Malaysia akan menghadapi kanser payudara manakala kanser serviks adalah kanser yang ke-4 paling umum dalam kalangan wanita Malaysia.

Seminar ini telah mencapai objektifnya dalam menyebarkan informasi supaya kesedaran boleh dipertingkatkan dan lebih ramai akan tampil ke depan untuk menjalani saringan supaya dikesan peringkat awal bagi memudahkan rawatan pemulihan segera. Program kesedaran seumpama ini membuktikan komitmen tinggi yang dimainkan oleh pihak KESUMBA dalam usaha meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan wanita bersempena dengan sambutan Hari Wanita Universiti Malaysia Sabah 2023.





SAMBUTAN HARI WANITA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

"Embraceequity"

AUDITORIUM GALERI AZMAN HASHIM

8 MAC 2023 (RABU) | 12:00 TENGAHARI

Diras

OFESOR DATUK

U. MANSOR



M AJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT UMS

Disediakan Oleh :

Suzanty Muin

08 MAC 2023, RABU – Buat julung kalinya, KESUMBA telah diamanahkan untuk menerajui Sambutan Hari Wanita Peringkat Universiti Malaysia Sabah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor. Turut hadir adalah Yang DiPertua KESUMBA, Y. Bhg. Datin Aidah Mohd. Ali serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y. Brs. Prof. Madya Dr. Raman Nordin. Majlis yang diadakan pada 8 Mac 2023 (Rabu) bertempat di Galeri Azman Hashim ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran seramai 200 orang ahli KESUMBA dan kakitangan wanita UMS.

Sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita ini, KESUMBA juga mengadakan beberapa acara lain seperti Sesi Tips Mekap Ringkas ke Pejabat, Pertandingan Mewarna dan Melukis Doodle Kanak-Kanak, Forum Wanita Hebat 3K (Kesihatan, Keluarga dan Kerjaya), Booth Pameran dan Jualan Food Truck serta Dance Fitness Bersama KESUMBA.

KESUMBA mengucapkan terima kasih di atas penyertaan serta sokongan dari ahli KESUMBA khususnya dan kakitangan wanita UMS umumnya.

SPECIAL DELIVERY BOUQUET BUNGA DAN COKLAT

Sempena Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS





BOOTH PAMERAN DAN JUALAN SERTA FOOD TRUCK

Sempena
Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS



Galeri Azman Hashim



FORUM 3K (KESIHATAN, KELUARGA DAN KERJAYA)

08 MAC 2023, RABU – Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS telah berlangsung pada 8 Mac 2020 (Rabu). Sambutan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, YBhg. Prof Datuk Dr. Kasim Haji Mansor merangkap Penasihat KESUMBA. Sambutan Wanita Sedunia pada tahun ini telah menetapkan Embrace Equity sebagai tema. Program bermula dengan sesi Tips solekan ringkas ke pejabat oleh Puan Cherry Mitus, usahawan Mary Kay yang berjaya. Program diteruskan dengan forum Wanita Hebat 3K (Kesihatan, Keluarga dan Kerjaya).

Panel terdiri daripada Prof Dr Helen Benedict Lasimbang, Pengarah Hospital UMS, Ustaz Mohd Issraq Bin Ramli, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Pengajian Islam. Moderator Forum adalah Puan Noorisah Taljid iaitu Ketua Biro Hal Ehwal Agama dan Kebajikan KESUMBA.

Seramai lebih 150 ahli KESUMBA dan kakitangan UMS hadir menyertai program ini. Adalah diharapkan peserta program ini akan mendapat manfaat dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.



PERTANDINGAN MEWARNA DAN MELUKIS DOODLE



Disediakan Oleh :

Nurul Izza Md. Nordin

08 MAC 2023, RABU – KESUMBA berjaya menganjurkan Pertandingan Mewarna dan Melukis Doodle Sempena Sambutan Hari Wanita Peringkat UMS bertempat di GAH-UMS pada 8 Mac 2023 (Rabu).

Program ini merupakan aktiviti pengisian sempena sambutan Hari Wanita Peringkat UMS yang menjadi platform kepada peserta untuk mempersembahkan hasil karya dan kreativiti masing-masing.

Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu Pertandingan Mewarna bagi kategori 5-6 tahun dan kategori 7-9 tahun. Manakala melukis doodle di cawan adalah bagi kategori 10-12 tahun. Seramai 29 peserta yang menyertai ketiga-tiga kategori diatas.

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Haji Mansor merangkap Penasihat KESUMBA.





DANCE FITNESS

SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA

Disediakan Oleh :
Suzanty Muin

08 MAC 2023, RABU – Biro Sukan, Sosial & Rekreasi kerjasama dengan Biro Kesenian & Kebudayaan telah mengadakan program iaitu Fitness Dance pada 08 Mac 2023, jam 4.00 petang bertempat di Rooftop Galeri Azman Hashim.

Program tersebut mendapat sambutan baik dari ahli KESUMBA dan kakitangan-kakitangan lain sempena menyambut Hari Wanita peringkat UMS.

Aktiviti seumpama ini haruslah diteruskan tidak kira program seperti Hari Wanita ini atau hari lain kerana selain daripada mengajak untuk kekalkan kesihatan, kita juga dapat kongsi konsep hidup harmoni dari pelbagai ahli KESUMBA serta kakitangan dari JAFPIB. Biro Sukan, Sosial & Rekreasi berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KESUMBAKAL



Disediakan Oleh :

Biro Pendidikan dan Latihan

08 MAC 2023, RABU – Sambutan Hari Wanita peringkat UMSKAL telah berlangsung dengan jayanya bertempat di lobi bangunan menara UMSKAL. Pengerusi KESUMBA KAL iaitu Puan Nur Aliyah Ku @ Ku Chen Jung dan beberapa ahli-ahli KESUMBA telah berbesar hati untuk turut turun padang bagi menyerahkan cenderahati berupa sekuntum bunga segar serta buah epal kepada lebih 80 orang kakitangan wanita yang hadir. Serahan cenderahati yang diadakan pada waktu pagi iaitu ketika masuk bekerja ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kakitangan sesama wanita di UMSKAL.

Cenderahati tersebut adalah sebagai salah satu penghargaan kepada semua kakitangan wanita di UMSKAL dan diharapkan dapat memberikan kesan positif dikalangan wanita sebagai pendorong, rasa dihargai dan semangat dalam membina keluarga serta bekerja dengan lebih gembira terutama di UMSKAL. Sambutan ini juga merupakan salah satu pengiktirafan sumbangan wanita dalam masyarakat kita.

MARI BELAJAR GUBAHAN BAKUL

Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan

09 MAC 2023, KHAMIS – Bersempena sambutan Hari Wanita 2023 peringkat UMS, Biro Kebudayaan dan Kesenian telah menganjurkan Kursus Mari Belajar Gubahan Bakul yang disampaikan oleh tiga (3) tenaga pengajar daripada RNR Craft.

Program yang diadakan bertempat di Galeri Azman Hashim ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan iaitu seramai 40 penyertaan dari dalam dan luar UMS. Selain menyampaikan kursus kepada peserta, RNR Craft juga membuka jualan kraftangan kepada peserta yang terlibat pada hari tersebut.





RAHSIA SUARA DALAM PENGUCAPAN AWAM : KHUSUS UNTUKMU WANITA

Disediakan Oleh :
Suzanty Muin

15 MAC 2023, RABU – Sempena bulan Hari Wanita Sedunia, Biro Penerangan dan Perhubungan Awam telah menganjurkan Kursus Pendek Rahsia Suara dalam Pengucapan Awam : Khusus untukmu Wanita. Objektif program adalah untuk meningkatkan kemahiran ketrampilan bertutur dengan memberikan peserta tips serta rahsia teknik suara yang mantap dan berpengaruh khususnya kepada wanita.

Kursus disampaikan oleh penceramah iaitu Puan Feria Lee yang merupakan Penyampai dan Penerbit Rancangan di UMSfm, radio kampus UMS. Beliau juga pernah menjadi Ketua Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA.

Sepanjang kursus, peserta telah didedahkan dengan jenis-jenis suara, teknik suara dan juga teknik pembacaan pengucapan awam. Peserta juga diberi latihan praktikal untuk membaca teks dengan menggunakan teknik suara yang betul mengikut jenis suara masing-masing. Seramai 30 peserta telah mengikuti kursus ini melibatkan ahli KESUMBA, kakitangan wanita UMS dan juga peserta luar.

PROGRAM PERSIAPAN RAMADAN

Disediakan Oleh :
Santy Karim

21 MAC 2023, SELASA – Program Persiapan sempena menyambut bulan Ramadan telah diadakan secara santai di Galeri pengembangan, Fakulti Pertanian Lestari, UMS Sandakan. Program tersebut diadakan untuk mengajak ahli KESUMBA bersama-sama mempersiapkan diri bagi meraikan ketibaan bulan yang mulia agar ibadah yang dilaksanakan lebih sempurna.

Penceramah jemputan, Ustazah Mukaramah Zakaria telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan persiapan sebelum dan semasa berada di bulan Ramadan. Ahli yang hadir juga berpeluang mengajukan soalan berkaitan kemusykilan dalam beribadah. Turut hadir adalah Pengerusi KESUMBA FPL, Pn. Anika @ Flora Bulangou serta AJK Tertinggi yang lain.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah, disusuli dengan jamuan ringan dan agihan kurma hasil daripada sumbangan AJK Tertinggi KESUMBA FPL dan staf yang dermawan.

Anjuran AJK Tertinggi KESUMBA FPL

Program Ramadan

**SELASA
21 MAC 2023
4 PETANG**

GALERI PENGEMBANGAN FPL, UMS SANDAKAN

TENTATIF

4.00 PM Ketibaan ahli jemputan

4.05 PM **Sesi ceramah:**
Persiapan Ramadan
oleh Ustazah
Mukaramah Zakaria

5.00 PM **Agihan kurma**
Selesai

Ramadan Kareem

Kurma percuma untuk ahli KESUMBA!
Semua dijemput hadir!





TADARUS AL-QURAN

SEMPENA RAMADHAN KESUMBAKAL

Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBAKAL

23 MAC 2023, SELASA Sempena kehadiran bulan Ramadan 1444H/2023M Exco KESUMBA KAL telah menganjurkan program Tadarus Al-Quran bermula 23 Mac 2023 yang di adakan di Bilik Eureka, Bangunan Menara UMSKAL bermula jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi setiap hari sepanjang ramadhan.

Diantara tujuan program di anjurkan adalah untuk memperbaiki sebutan dan bacaan Al-Quran dengan betul, melatih diri untuk sentiasa mengingati Allah dan menunaikan tuntutanNYA, meningkatkan kefahaman keperluan membaca Al-Quran dengan tertib & tartil, Menggunakan peluang bulan Ramadhan untuk memperhebatkan amalan membaca Al-Quran melalui tadarus serta Memupuk ukhwah di kalangan kakitangan wanita UMSKAL.

Progam Tadarus Al-Quran ini telah di hadiri oleh ahli kesumba dan kakitangan Wanita UMSKAL yang telah di adakan secara berterusan secara fizikal dan secara atas talian. Dan telah tamat dengan jayanya pada 13 April 2023.

SUMBANGAN MOREH RAMADHAN FPL

Disediakan Oleh :
Siti Aisyah Sidik

29 MAC 2022, SELASA – Setiap kali ramadan menjelma, pihak Pusat Islam FPL mengadakan jadual giliran moreh sempena ramadan yang disertai oleh staf dan orang perseorangan yang ingin menyumbang. Jamuan moreh bukanlah sesuatu yang diwajibkan tetapi mampu menggembirakan hati jemaah yang selesai berterawikh.

Makanan moreh selalunya akan disediakan bagi pihak jemaah lelaki dan jemaah perempuan di Dewan Serbaguna, FPL. Tradisi ini disambut baik oleh pihak KESUMBA pada ramadan kali ini. Untuk giliran moreh KESUMBA, sumbangan sebanyak RM450 telah berjaya dikutip daripada ahli-ahli KESUMBA yang pemurah.

AJK Biro Kebajikan dan Keagamaan KESUMBA diamanahkan untuk menyediakan juadah untuk jamuan moreh yang ditetapkan pada 29 Mac 2023. Jamuan moreh berupa kuih-muih dan air minuman telah disediakan mengikut jumlah yang ditetapkan oleh pihak Pusat Islam FPL.

Dengan penuh kesyukuran, pihak Biro Kebajikan dan Keagamaan KESUMBA mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang diterima. Semoga segala sumbangan, tidak kira dalam bentuk duit atau tenaga dibalas dengan pahala yang berlipat ganda oleh Allah SWT.



MAJLIS BERBUKA PUASA EXCO DAN AHLI KESUMBA KAL



Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan,
KESUMBAFKAL

07 APRIL 2023, JUMAAT – KESUMBAKAL telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama Exco dan ahli KESUMBAKAL bertempat di Lounge Kesumba Biz & Beat, Tingkat 11, Bangunan Menara UMSKAL dan telah mendapat sambutan yang baik serta dihadiri seramai 34 orang dan ahli KESUMBAKAL juga dijemput untuk membawa anak-anak bagi memudahkan ahli KESUMBA-KAL menyertai Majlis Berbuka Puasa ini.

Pengerusi KESUMBAKAL, Puan Nur Alliyah Ku @ Ku Chen Jung mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian semua ahli-ahli yang hadir pada hari tersebut. Selesai berbuka puasa, Pengerusi dan beberapa ahli turut menunaikan solat Maghriba dan Isyak secara berjemaah.

Majlis Berbuka Puasa ini juga turut dihadiri oleh ahli yang bukan beragama Islam. Selain dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan ahli, majlis ini juga dapat meningkatkan semangat ibadah puasa di bulan Ramadhan yang mulia ini serta dapat memberikan kesan yang positif dalam menjalankan tanggungjawab harian sebagai kakitangan UMSKAL, sebagai isteri dan juga ibu kepada anak-anak mereka.

M AJLIS PENGHARGAAN PUAN SILAWATI KHAMIS



Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan

11 APRIL 2023, SELASA – Majlis Penghargaan dan Perpisahan mantan Bendahari Kehormat KESUMBA, Puan Silawati Khamis telah diadakan pada 11 April 2023, Selasa bertempat di Hotel Horizon, Kota Kinabalu.

KESUMBA mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Silawati Khamis di atas sumbangan dan bakti ikhlas beliau sepanjang menjawat jawatan Bendahari Kehormat KESUMBA. Sesi penyampaian cendera kenangan kepada Puan Silawati telah disempurnakan oleh Yang Dipertua KESUMBA, Y. Bhg. Datin Aidah Mohd. Ali. Majlis turut dihadiri oleh beberapa EXCO Tertinggi KESUMBA.



PROGRAM “11TH MOTHER’S DAY, WALK A BREAST - KINABALU PINK RIBBON”

Disediakan Oleh :

Dk. Masniah Ag. Madaud & Siti Asyantie Binti Yasilin

07 MEI 2023, SABTU – Sempena Sambutan Hari Ibu, Kinabalu Pink Ribbon telah mengajurkan program Fun Walk distance 5 km bertempat di Padang Merdeka pada 07 Mei 2023. KESUMBA telah menghantar seramai lapan (8) penyertaan. Biro Sukan, Sosial & Rekreasi serta ahli KESUMBA yang terlibat berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.



SAMBUTAN HARI IBU KESUMBA KAL



Disediakan Oleh :

Biro Penerangan dan Perhubungan
KESUMBAKAL

16 MEI 2023, SELASA– Bersempena Sambutan Hari Ibu Malaysia telah ditetapkan pada 14 Mei 2023. Exco KESUMBA KAL telah mengambil peluang untuk mengadakan Sambutan Hari Ibu KESUMBA KAL dengan berkonsepkan High tea , yang telah di adakan di bilik merinding ARAS 11 Bangunan Menara UMSKAL . Program ini melibatkan kan semua EXCO dan ahli kesumba KAL.

Majlis sambutan telah di mulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi KESUMBA KAL Puan Ku Chen Jung @ Nur Aliyah ku dengan ucapan terima kasih di atas kesudian ahli turut serta ke progam sambutan hari Ibu KESUMBAKAL dan pengerusi juga turut menzahirkan ucapan Selamat Hari Ibu Kepada semua ahli yang hadir dan menghargai pengorbanan setiap insan yang bergelar ibu.

Majlis sambutan diadakan bagi memberikan pengiktirafan kepada kaum ibu betapa berharga dan istimewanya mereka di mata dunia. Selain daripada itu, penganjuran sambutan ini juga sebagai satu cara penghargaan kepada kakitangan wanita UMSKAL yang bergelar ibu serta meraikan keistimewaan seorang ibu. Sebagai tanda penghargaan ahli kesumba diberikan kerongsang tudung beserta bunga sabun berbetuk ros sebagai cenderamata sambutan.



Disediakan Oleh :

Dg. Zuraidyah Haji Mohd. Yunus

24 MEI 2023, RABU – KESUMBA FPL telah menganjurkan Majlis KESUMBA FPL sempena Hari Raya Aidilfitri, Hari Ibu, Hari Guru dan Pesta Kaamatan pada 24 Mei 2023 bertempat di Galeri Pengembangan Pertanian, FPL.

Majlis ini diadakan bagi membolehkan ahli KESUMBA FPL bertemu mesra di samping mengeratkan silaturahim dan bermaaf-maafan sempena Aidilfitri.

Majlis KESUMBA ini telah dihadiri oleh Pengerusi KESUMBA FPL, Puan Anika Flora Bulangou termasuk barisan exco KESUMBA FPL. Dalam ucapan pembukaan majlis, Pengerusi turut mempelawa ahli menghebahkan penyertaan KESUMBA kepada rakan sekerja dan suri rumah yang lain, agar bersama-sama mendapat manfaat daripada aktiviti dan faedah menjadi ahli KESUMBA.

Majlis KESUMBA FPL diserikan dengan aneka juadah tajaan KESUMBA induk dan KESUMBA FPL termasuk juadah sumbangan potluck ahli sendiri. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan permainan BINGO anjuran Biro Pendidikan dan Pelajaran.



**MAJLIS KESUMBA FPL SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI,
HARI IBU, HARI GURU DAN PESTA KAAMATAN 2023**



MESYUARAT MEJIK KESUMBA BIL.2/2023

Disediakan Oleh :
Suzanty Muin



03 JUN 2023, SABTU – Mesyuarat Jawatankuasa Induk KESUMBA (MEJIK) Bil.2/2023 telah diadakan bertempat di Restoran Old Town, Kota Kinabalu dan dipengerusikan oleh Y.Brs.Prof. Madya Dr. Suraya Sintang, Timbalan Yang Dipertua KESUMBA.



Antara pengisian mesyuarat adalah perbincangan berkenaan pelaksanaan program-program yang telah dirancang bagi suku kedua tahun 2023. Salah satu aktiviti utama ialah Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA (MAT) Kali Ke-26 yang dirancang untuk diadakan pada 7 Julai 2023. MAT Ke-26 ini juga akan menyaksikan pembubaran EXCO Sesi 2021/2023 dan juga pelantikan EXCO Baharu bagi Sesi 2023/2025.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR (KESUMBA FPL VS MRSM TMFS)

Disediakan Oleh :

Dr. Nurul Aini Fitria Kaliwon

14 JUN 2023, RABU - Perlawanan persahabatan bola tampar antara UMS dan MRSM TMFS telah diadakan pada 14 Jun 2023 bertempat di gelanggang bola tampar MRSM TMFS Sandakan. Ahli KESUMBA FPL dan pelajar FPL pula dipelawa untuk mewakili UMS dalam kategori wanita.

Ahli KESUMBA FPL berkesempatan beramah mesra bersama Pengetua, guru-guru dan pelajar MRSM sebelum perlawanan berlangsung pada jam 5.00 petang. Sesi bergambar bersama semua pemain dan penyokong yang hadir menjadi pembukaan pertandingan tersebut. Bagi kategori wanita, pasukan MRSM TMFS telah mengatasi pasukan KESUMBA FPL dengan kiraan mata 2-1.

Biro Sukan, Sosial & Rekreasi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir kerana telah menjayakan perlawanan persahabatan bola tampar ini.





PROGRAM CSR KESUMBA UNTUK KEBAJIKAN PELAJAR (JUALAN MAKANAN DAN MINUMAN)

Disediakan Oleh :
Santy Karim

AJK Tertinggi KESUMBA FPL telah menyahut cabaran yang diberikan oleh Dekan Fakulti Pertanian Lestari untuk membuka gerai makanan dan minuman yang dikendalikan oleh ahli KESUMBA di Foyer Pentadbiran FPL. Tempoh berniaga yang diberikan adalah bermula dari 6 Jun 2023 sehingga 30 Jun 2023. Pembukaan gerai tambahan ini bertujuan untuk memberi kemudahan pelajar FPL membeli makanan serta menyediakan pilihan makanan yang lain daripada yang disediakan oleh pembekal makanan di Kafeteria Kolej Kediaman, berikutan aduan yang disampaikan oleh pelajar kepada pihak pengurusan FPL dan Kolej Kediaman berkaitan kualiti dan kuantiti makanan sedia ada.

Gerai yang diusahakan oleh Ahli KESUMBA dan diselia oleh AJK Tertinggi KESUMBA FPL mendapat reaksi positif daripada Dekan FPL, kakitangan dan pelajar. Usaha ini bukan sahaja dapat membantu pelajar, malah warga UMS Sandakan juga turut mendapat manfaatnya. Selain itu, pengusaha juga dapat menjana pendapatan sampingan hasil daripada pembukaan gerai ini.



LAGU KESUMBA

MAJU SEHATI

Di Sudut yang Gemilang
Lahir Sebutir Mutiara
Namamu Kecil
Namun Jiwa Besar
Lambang Kekuatan Srikandi Bangsa



Bertekad dan Berjuang
Dalam Pesada Pemodenan
Sepakat Bersama
Menuju Kejayaan
KESUMBA Menghulur Salam Perkenalan

(Chorus)
Jasa Ditabur Namamu Diukir
Untuk Semua Bukan Sendiri
Menjadi Panduan dan Juga Pedoman
Maju Sehati dan Sejiwa



Kecil Tua dan Muda
Bergandingan Bahu Bersama
Pangkat dan Harta
Bukanlah Ukuran
KESUMBA Maju Sehati dan Sejiwa

Lagu : Encik Abdul Jamal Abd. Hamid
Lirik : Dr. Andika Aziz Hussin